

Memartabatkan
Bahasa Malaysia
& Memperkuuh
Bahasa Inggeris

Kementerian Pelajaran Malaysia



Memartabatkan

Bahasa Malaysia

& Memperkuuh

Bahasa Inggeris

KANDUNGAN



A. TUJUAN

B. MUKADIMAH

1. Rasional pelaksanaan MBMMBI menggantikan PPSMI

- 1.1. Penguasaan pelajar dalam bahasa Malaysia berbanding dengan bahasa Inggeris.
- 1.2. Pencapaian pelajar dalam sains dan matematik mengikut jenis sekolah.
- 1.3. Pencapaian pelajar dalam PPSMI mengikut lokasi
- 1.4. Penggunaan bahasa Inggeris oleh guru sains dan matematik dalam bilik darjah

2. Berdasarkan pengamatan itu, Kementerian Pelajaran melaksanakan MBMMBI melalui strategi:

- 2.1 Memartabat bahasa Malaysia melalui:
 - 2.1.1. Pendekatan p&p
 - 2.1.2. Lima IPGM mengkhususkan kepada bahasa Malaysia
 - 2.1.3. Peluasan penggunaan ICT dalam p&p
 - 2.1.4. Melaksanakan p&p sains dan matematik dalam bahasa Malaysia di SK dan bahasa ibunda di SJKT dan SJKT
- 2.2. Memperkuuh bahasa Inggeris melalui:
 - 2.2.1. Penambahan waktu p&p bahasa Inggeris di SK, SM, SJKC dan SJKT
 - 2.2.2. Empat IPGM dan satu pusat bahasa mengkhususkan bahasa Inggeris
 - 2.2.3. Pendekatan p&p
 - 2.2.4. Menambah fungsi makmal komputer kepada makmal bahasa.
3. Pemansuhan PPSMI secara *soft landing*
4. Manfaat
5. Penutup

TUJUAN

Buku kecil ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan keputusan Kerajaan meluluskan cadangan strategi Kementerian Pelajaran untuk memartabatkan bahasa Malaysia (BM) dan memperkuuh bahasa Inggeris (BI).

MUKADIMAH

Strategi memartabatkan BM melibatkan penggunaan BM sebagai bahasa pengantar sains dan matematik di sekolah kebangsaan dan menengah serta penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran (p&p) BM.

Manakala strategi memperkuuh penguasaan BI melibatkan penambahbaikan kurikulum BI serta penyediaan guru dan bahan yang mencukupi dan berkualiti bagi melaksanakan kurikulum tersebut.

Definisi Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)


Memartabatkan BM bermaksud meletakkan BM pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. BM juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Memperkuuh BI membawa maksud memantapkan penguasaan BI sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa.

Tujuan MBMMBI

Tujuan utama memartabatkan BM adalah kerana BM merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia.

Tujuan utama memperkuuh BI adalah kerana BI merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai dengan baik dan berkesan bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat nasional dan global.



Rasional

1

■ **Rasional Pelaksanaan MBMMBI menggantikan Pengajaran dan Pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI)**

1.1. Status Pelaksanaan PPSMI

- 1.1.1 Keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memperlihatkan pencapaian murid dalam BM adalah jauh lebih tinggi daripada BI sama ada bagi murid-murid di kawasan bandar dan luar Bandar. Keputusan menunjukkan, murid akan lebih mudah mengikuti p&p dalam BM berbanding BI.
- 1.1.2 Keputusan peperiksaan sains dan matematik UPSR di Sekolah Kebangsaan (SK) menunjukkan penurunan pencapaian gred ABC bagi kohort pertama yang melalui PPSMI sepenuhnya di sekolah rendah.
- 1.1.3 Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran sains dan matematik semakin melebar semasa PPSMI dilaksanakan.
- 1.1.4 Dapatan UNESCO menunjukkan pelajar lebih mudah mempelajari pelajaran dalam bahasa ibunda pada peringkat awal persekolahan.
- 1.1.5 Profisiensi BI guru pada Tahap Cemerlang dan Baik adalah sekitar 25%. Hanya sebahagian kecil guru menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik. Ini menyukarkan proses p&p yang berkesan.

- 1.1.6 Secara purata peratusan penggunaan bahasa Inggeris adalah antara 53–58 peratus daripada keseluruhan masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran sains dan matematik. Penggunaan BI oleh guru dalam bilik darjah adalah sekitar 55%.
- 1.1.7 Laporan *Trends in Mathematics Science Study* (TIMSS) 2007 menunjukkan pencapaian murid Malaysia merosot dari tempat ke 10 pada tahun 2003 ke 20 bagi matematik dan bagi mata pelajaran sains dari tempat ke 20 pada tahun 2003 ke 21 pada tahun 2007.
- 1.1.8 Kajian pelbagai pihak menunjukkan kebanyakan murid khususnya daripada luar bandar sukar untuk memahami p&p sains dan matematik dalam BI.
- 1.1.9 Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran sains dan matematik semakin melebar semasa PPSMI dilaksanakan.
- 1.1.10 Kajian universiti-universiti tempatan pula mendapati tahap peningkatan penguasaan bahasa Inggeris murid adalah nominal, iaitu tidak lebih 3 peratus sepanjang pelaksanaan PPSMI. Tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid terutamanya di luar bandar masih rendah menyebabkan mereka sukar untuk memahami pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris.



2.

Berdasarkan pengamatan ini, kerajaan yakin bahawa sains dan matematik perlu diajar dalam bahasa yang mudah difahami oleh murid, iaitu bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan, bahasa Cina di SJKC dan bahasa Tamil di SJKT. KPM melaksanakan MBMMBI melalui strategi:

2.1 Memartabatkan Bahasa Malaysia

2.1.1. Bahasa Malaysia

JENIS SEKOLAH	PENAMBAHAN MASA
TAHAP 1 :	
Sekolah Kebangsaan	360 minit (tiada perubahan)
Sekolah Jenis Kebangsaan	300 minit (210 minit + tambahan 90 minit)
TAHAP 2 :	
Sekolah Kebangsaan	300 minit (tiada perubahan)
Sekolah Jenis Kebangsaan	240 minit (150 minit + tambahan 90 minit)

2.1.2. Pendekatan Modular Kurikulum BM - Penguasaan asas kemahiran berbahasa diperkuuh melalui pendekatan modular yang bersepadu, seimbang dan holistik menerusi modul p&p.

- 2.1.3 **Asas Berbahasa (*Back to Basics*)** - Pengukuhan asas berbahasa dilakukan secara berstruktur dan sistematik. Asas berbahasa pradengar, prabunyi, prabaca dan pratulis diperkuuh melalui modul p&p yang menerapkan elemen menyeronokkan dalam seni bahasa. P&p tatabahasa adalah berasaskan sistem bahasa yang betul dan dilakukan secara bersepadu dalam konteks.
- 2.1.4. **Didik Hibur** - Pendekatan p&p BM akan menyediakan suasana yang lebih menyeronokkan dan menarik melalui pelbagai kaedah. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, tatabahasa dan seni bahasa akan disulam dengan aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pelaporan dan penghasilan produk.
- 2.1.5. **Penggunaan BM Standard Merentas Kurikulum** - Penggunaan sistem bahasa yang betul dalam mata pelajaran lain akan menyokong p&p BM. Penggunaan dialek tempatan atau bahasa pasar mesti dipantau agar tidak menjelaskan standard dan mutu BM itu sendiri.
- 2.1.6. **Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam p&p** - Penggunaan teknologi maklumat seperti perisian, e-mel, laman sembang dan laman web dapat menyediakan p&p yang bersifat interaktif serta menghiburkan. Satu portal akan diwujudkan untuk menghimpunkan bahan penulisan serta menyediakan forum bagi penggiat bahasa, para pendidik, sasterawan, pelajar serta pengguna BM untuk berbincang, mengkaji dan mencari maklumat tentang BM.
- 2.1.7. **Program Bacaan** - Program bacaan seperti Komponen Sastera dalam BM (KOMSAS), Buku Sastera Sekolah Rendah, Bacaan Awal Berstruktur dan NILAM diteruskan. Beberapa penambahbaikan akan dilakukan supaya pembacaan bahan sastera dapat ditingkatkan.

2.1.8. **Guru BM Berkualiti** - Guru yang mengajar mata pelajaran ini perlu beropsyen BM untuk memastikan kualiti dari segi ilmu pedagogi. Guru digalakkan menghadiri kursus peningkatan profesionalisme yang memberikan pendedahan tentang perkembangan terkini ilmu pedagogi dan juga perkembangan bahasa daripada pakar dari dalam dan luar negara.

2.1.9 **Persekuturan Pembelajaran yang Kondusif** - Pemantauan daripada aspek kebersihan, keceriaan dan keselamatan di sekolah dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memastikan saiz kelas, serta keadaan fizikal bilik darjah dan sekolah lebih kondusif untuk p&p.

2.1.10. **BM Bahasa Ilmu dan Komunikasi** - Usaha menterjemah karya agung dari Eropah, Amerika dan Asia perlu diperhebatkan. Melalui cara ini perluasan ilmu melalui pembacaan dalam BM dapat dipergiat, seterusnya menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Penggunaan BM juga mestilah tekal dan mantap dalam semua urusan rasmi agar hasrat 1Malaysia terlaksana melalui identiti negara bangsa.

2.1.11. **Kolaborasi Antarabangsa Kursi BM di Universiti Luar Negara** - Satu kolaborasi yang mantap antara Malaysia dengan negara lain akan diwujudkan dengan menubuhkan kursi BM di universiti luar negara.

2.1.12. **Syarat Layak Masuk Institut Pengajian Tinggi** - Pelajar yang mengikuti pengajian di universiti hendaklah diwajibkan mendapat kepujian dalam BM di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sebagai syarat layak masuk.



2.2. Memperkuuh bahasa Inggeris melalui strategi berikut:

2.2.1. Bahasa Inggeris

JENIS SEKOLAH	PENAMBAHAN MASA
TAHAP 1 :	
Sekolah Kebangsaan	300 minit (210 minit + tambahan 90 minit)
Sekolah Jenis Kebangsaan	150 minit (60 minit + tambahan 90 minit)
TAHAP 2 :	
Sekolah Kebangsaan	300 minit (210 minit + tambahan 90 minit)
Sekolah Jenis Kebangsaan	150 minit (90 minit + tambahan 60 minit)

2.2.2. Transformasi Kurikulum BI Sekolah Rendah -

Transformasi Kurikulum BI sekolah rendah menitikberatkan penguasaan literasi asas dan pengukuhan BI melalui pendekatan modular.


2.2.3. Asas berbahasa (*Back to Basics*) -

Kurikulum BI menitikberatkan pengukuhan penguasaan asas BI dengan memberi penekanan kepada *Phonics* di samping menerapkan elemen pembelajaran yang menyeronokkan dalam modul *Language Arts*. Pengajaran tatabahasa dalam konteks diberi penekanan khusus dalam modul tatabahasa.

2.2.4. Didik Hibur -

Modul *Language Arts* menekankan aspek didik hibur dan apresiasi bahasa. P&p bahasa yang menarik dan efektif dijalankan melalui aktiviti menyanyi, *jazz chants*, *choral speaking*, drama, muzik dan bahan bantu mengajar. Bahan bacaan estetik seperti Sastera Kontemporari Kanak-kanak, bahan Bacaan Awal Berstruktur dan Bacaan Ekstensif disediakan bagi mendedahkan murid kepada BI pelbagai genre.

- 2.2.5. **Elemen sains dan matematik dalam BI** - Kurikulum BI akan mengintegrasikan elemen matematik dan sains melalui tema yang berkaitan dan akan menumpukan kepada istilah/kosa kata serta struktur ayat mata pelajaran berkenaan.
- 2.2.6. **Penetapan Model BI** - *Model Standard British English* digunakan sebagai panduan supaya setiap guru dapat merujuk kepada standard yang sama dari segi sebutan, penulisan dan tatabahasa.
- 2.2.7. **Transformasi Kurikulum BI Sekolah Menengah** - Transformasi Kurikulum BI akan menggunakan pendekatan modular. Setiap komponen kemahiran bahasa mempunyai modul p&p tersendiri dan p&p tatabahasa akan diberi fokus dalam modul *Grammar*.
- 2.2.8. **Sumber p&p** - Makmal Komputer akan dinaik taraf dengan perkakasan dan perisian supaya boleh turut berfungsi sebagai makmal bahasa. Teknologi maklumat dimanfaatkan dalam p&p BI melalui penggunaan perisian yang sesuai.
- 2.2.9. **Perkongsian dan Jaringan Guru** – sinergi dalam kalangan guru amat penting untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang p&p yang terkini dan berkesan.
- 2.2.10. **Kepimpinan Sekolah** - Guru Besar dan Pengetua akan diberi lebih banyak pendedahan tentang peranan mereka sebagai pengurus kurikulum. Mereka perlu memahami matlamat dan kehendak kurikulum BI dan turut merancang program yang sesuai untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Jawatan Penyelaras BI akan diwujudkan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Program seperti ***English Camp*** atau ***English Village*** akan dijalankan secara berterusan.



Pemansuhan PPSMI Secara *Soft Landing*

3.

Pemansuhan PPSMI Secara *Soft Landing*

Bagi menyediakan mekanisme *soft landing* pelaksanaan p&p sains dan matematik dalam BM:

- i. Kedua-dua mata pelajaran tersebut diajar dalam dwibahasa mulai tahun 2010 di sekolah rendah dan sekolah menengah.
- ii. P&p sains dan matematik bagi Tahun 4 pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Tahun 5 pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dan Tahun 6 pada tahun 2014, 2015 dan 2016 akan dilaksanakan dalam dwibahasa. Sehubungan itu, peperiksaan sains dan matematik UPSR akan terus dilaksanakan dalam dwibahasa sehingga tahun 2016.
- iii. P&p sains dan matematik bagi Tingkatan 4 pada tahun 2012, 2013 dan 2014, dan Tingkatan 5 pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dilaksanakan dalam dwibahasa. Sehubungan itu, peperiksaan sains dan matematik SPM akan terus dilaksanakan dalam dwibahasa sehingga tahun 2015.

Manfaat

Hari pertama
di sekolah

1
244

Wednesday

4. Manfaat

- i. Melahirkan warga Malaysia yang fasih dan yakin untuk menggunakan BM dan BI standard dalam perbualan, urusan rasmi, penerokaan ilmu, dan dalam alam kerjaya mengikut kesesuaian dan keperluan.
- ii. Membina modal insan yang mampu mengakses pelbagai bidang ilmu melalui pelbagai media seperti teknologi komunikasi maklumat (ICT) serta mempunyai minda yang kritis, kreatif dan inovatif.
- iii. Membentuk 1Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat, progresif, dinamik, mampu bersaing di peringkat antarabangsa ke arah mencapai negara maju.

The image shows a white envelope. At the top, the words "KAD LAPORAN" are printed in bold, black, uppercase letters. Below this, a signature in black cursive ink reads "Sarah Carter". In the bottom right corner of the envelope, the text "2nd sen" is printed.

Penutup

PENUTUP

Dengan keputusan ini, kerajaan menawarkan pendekatan baru dalam pengajaran sains, matematik, bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Kerajaan percaya bahawa dengan pendekatan baru ini kita akan dapat memartabatkan bahasa Malaysia, memperkuuh bahasa Inggeris dan meningkatkan keupayaan murid untuk menguasai ilmu sains dan teknologi yang amat penting untuk masa depan negara.

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pelajaran Malaysia

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03 8884 6000
Hotline (kpkpm): 03 7723 7070
Faks: 03 8888 8431

<http://www.moe.gov.my>
email: kpkpm@moe.gov.my